

21/04/1997

Parti tidak terima dasar ciptaan manusia

YAN, Ahad - Pas bukan parti kedaerahan kerana dasar perjuangannya berlandaskan al-Quran dan hadis serta bersifat global dengan mengambil kira perjuangan umat Islam di seluruh dunia.

Presidennya, Fadzil Noor berkata, Pas menerima sebarang usaha kebaikan yang dilaksanakan kerajaan diterajui Umno, selagi ia tidak bercanggah dengan kehendak Islam.

Sebaliknya, kata beliau, Pas tidak boleh menerima dasar perjuangan Umno yang perlembagaannya berasaskan Perlembagaan Persekutuan ciptaan manusia yang jelas berbeza dengan dasar perlembagaan Pas.

Katanya, Datuk Abdul Aziz Nik Mat, wajar bercakap mengenai perjuangan umat Islam di Kelantan berdasarkan kedudukannya sebagai Menteri Besar dan ia tidak seharusnya dianggap mencerminkan keseluruhan Pas sebagai parti kedaerahan.

"Hukum tertinggi dalam Pas adalah al-Quran dan hadis dan ia jelas dan ia tidak ada dalam dasar perlembagaan Umno.

"Apa yang dikatakan Nik Aziz itu memang betul sebab beliau Menteri Besar Kelantan, wajar dia bercakap mengenai Kelantan," katanya selepas merasmikan Balai Islam Pas di Kampung Permatang Cengai di sini, hari ini.

Fadzil mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang menyifatkan Pas lebih mirip parti kedaerahan yang sempit dan tergelincir daripada perjuangan berlandaskan kehendak Islam.

(END)